

# Felda agih zakat perniagaan RM8.6j

**K**UALA LUMPUR: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) malam tadi menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM8.6 juta kepada 13 negeri yang disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Zakat perniagaan bagi urus niaga 2005 itu membabitkan RM6.6 juta yang dikeluarkan 25 anak syarikat Felda hasil urus niaga termasuk industri sawit, getah, koko, permodalan, kejuruteraan, hartanah dan pelancongan.

Sebanyak RM2 juta lagi dikeluarkan Koperasi Permodalan Felda (KPF) hasil simpanan pelabur yang dijadikan modal pusingan dan diperniagakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin menerima bagi pihak Pusat Pungutan Zakat, (PPZ) Wilayah Persekutuan; Sarawak oleh Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Negeri Sembilan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hassan. "Menteri besar dan ketua menteri lain diwakili Exco masing-masing.

Najib dalam ucapannya pada majlis itu berkata, pemberian zakat berdasarkan kepada 2.5 peratus daripada keuntungan yang diperoleh operasi Felda di negeri berkenaan itu adalah yang kedua dibuat.

Katanya, pemberian zakat seperti itu dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang menghimpit umat Islam khususnya fakir miskin yang memerlukan bantuan.

"Pemberian zakat adalah satu jalan keluar kepada permasalahan umat Islam," katanya sebelum menyampaikan zakat berkenaan pada majlis terbuka puasa dan penyerahan zakat di Dewan Perdana Felda, dekat sini, malam tadi.

Najib yang berharap Felda mening-

katkan produktiviti supaya dapat meningkatkan sumbangan zakat turut menyampaikan sumbangan wang berjumlah RM14,000 dikeluarkan Felda kepada 70 penghuni Rumah Titian Kaseh serta RM8,000 bagi keperluan pengurusan rumah berkenaan.

Beliau turut menyampaikan hadiah kepada pengurusan Masjid Ihsaniah, Felda Bukit Puchong, Pahang yang memenangi tempat pertama Anugerah Masjid Contoh Peringkat Nasional; Masjid Ghurfran, Felda Cuki 5, Kelantan (Kedua) dan Masjid

Jamek al-Ikhwan, Felda Gugusan Adela, Johor (Ketiga).

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dan Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Najib yang turut menunaikan solat Tarawih berkata, umat Islam juga perlu menghayati kebaikan dan hikmah bulan Ramadan untuk memperkuatkan kesatuan dan penyatuan umat.

Katanya, ibadat puasa yang diperingatkan Allah dan dilakukan serentak umat Islam di pelusuk dunia

adalah lambang penyatuan dan kesatuan itu yang menjadi tonggak penting bagi umat berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ibadat yang turut menggerakkan hati umat Islam membantu umat yang berada dalam kesusahan, turut memberi kekuatan dalaman melawan hawa nafsu dan pelbagai cabaran.

"Kekuatan dalaman inilah yang mesti dipupuk supaya umat Islam tidak tewas dalam sebarang cabaran," katanya.